



**No. A 39322**

BORANG A

**LESEN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM  
PENGELUARAN FILEM**

No..Lesen.....  
PF 01/09102

**AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL  
MALAYSIA 1981**

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL  
MALAYSIA (PERLESENAN) 1983**

Nama: **AMALIA KAMILA HOLDINGS SDN. BHD.**

Alamat Pejabat:  
**NO 51A, JALAN SG 3/10,  
PUSAT BANDAR SERI GOMBAK,  
BATU CAVES  
68100 SELANGOR**

Adalah dilesenkan untuk mengambil bahagian dalam PENGELUARAN FILEM di premis-  
premis yang berikut:

**NO 9-1, JALAN AU 1A/4B,  
TAMAN KERAMAT PERMAL,  
KUALA LUMPUR, 54200 W.P KUALA LUMPUR**

1. Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Perlesenan) 1983 dan kepada syarat-syarat tambahan yang ditetapkan dalam lesen ini.
2. Lesen ini adalah sah bagi suatu tempoh selama satu tahun dari tarikh ianya dikeluarkan atau diperbaharui.


**CARA BAYARAN : ONLINE (LB)  
TARIKH BAYAR : 07 DIS 2021 (HQ)  
810 XRPP426**

.....  
*bagi pihak*  
*Perbadanan Kemajuan Filem Nasional*  
*Malaysia*  
**07 DIS 2021**

Tarikh dikeluarkan:.....  
**TARIKH TAMAT : 06 DIS 2022**

**Fee RM100.00 diterima.**

FINAS(S) B 2/2 Jld. 5



### SYARAT-SYARAT LESEN (JADUAL KETIGA)

1. Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahmilikan atau menyerahkan lesen kepada mana-mana orang lain.
2. Seseorang pemegang lesen yang didaftarkan dengan sepenuhnya di bawah Akta Syarikat 1965 hendaklah memberitahu Perbadanan akan apa-apa pertukaran dalam modal syer atau komposisi lembaga pengarah syarikat itu. Maklumat demikian hendaklah diberi tidak kurang dari empat belas hari dari pertukaran itu berkuatkuasa.
3. Seseorang pemegang lesen tidak boleh menukar kedudukan tempat perniagaannya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Perbadanan.
4. Seseorang pemegang lesen:
  - (a) hendaklah memberitahu Perbadanan secara bertulis jika dia berhenti untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang baginya dia dilesenkan dan hendaklah dengan serta-merta mengembalikan lesennya kepada Perbadanan untuk pembatalan.
  - (b) tidak boleh mengambil bahagian dalam aktiviti yang baginya dia dilesenkan di bawah suatu nama yang berlainan daripada yang dinyatakan dalam lesen itu.
  - (c) hendaklah memperlihatkan lesen itu dengan cara yang mudah dilihat di premis-premis yang ditetapkan dalam lesen itu.
  - (d) hendaklah memberitahu Perbadanan secara bertulis dan dalam tempoh empat belas hari mengenai apa-apa pertukaran dalam komposisi pegawai-pegawainya yang memegang jawatan pengurus atau eksekutif.
  - (e) hendaklah tidak lewat dari enam bulan selepas akhir tahun kewangan bagi perniagaannya, mengemukakan kepada Perbadanan penyata akaunnya yang telah diaudit dan mana-mana laporan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan.

### SYARAT-SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGELUARAN

1. Pemegang lesen, jika membuat penggambaran filem hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum penggambaran sesuatu filem dimulakan melalui borang tertentu yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Dengan penghantaran borang tersebut, Surat Perakuan Penggambaran (SPP) akan dikeluarkan oleh Perbadanan;
2. Pemegang lesen, jika membuat penggambaran filem hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan tidak lewat dari empat belas (14) hari apabila telah mendapat kelulusan penapisan daripada Lembaga Penapisan Filem;
3. Pemegang lesen, hendaklah mencatatkan dan menayangkan nombor siri SPP pada permulaan filem dimulakan;
4. Pemegang lesen, jika selesai mengeluarkan sesuatu filem iklan hendaklah membuat permohonan kepada Perbadanan melalui suatu borang yang ditetapkan bagi mendapatkan perakuan Perbadanan bahawa filem iklan itu adalah dibuat di Malaysia;
5. Pemegang lesen, jika merekod atau menyalin filem hendaklah memastikan tiap-tiap salinan filem yang dibuat mengandungi nama perniagaan dan nombor lesennya di dalam rakaman. Nama perniagaan dan nombor lesen hendaklah dapat dilihat dengan jelas pada permulaan rakaman apabila filem berkenaan dimainkan;
6. Semua filem iklan yang dimasukkan ke dalam filem-filem yang disalin atau dirakam hendaklah tidak mengandungi iklan rokok dan/atau minuman beralkohol dan iklan-iklan juga hendaklah memenuhi Kod Etika Pengiklanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
7. Pemegang lesen, jika merekod atau menyalin filem hendaklah menyenggara rekod bulanan yang mengandungi butir-butir tajuk filem (bahasa asal), jenis filem, negeri asal, nama dan alamat pelanggan serta bilangan salinan dan hendaklah dihantar kepada Perbadanan dalam tempoh tujuh hari selepas bulan berkenaan;
8. Pemegang lesen, jika merekod atau menyalin filem tidak boleh membekalkan filem kepada sesiapa jua melainkan kepada pemegang lesen pendedaran;
9. Pemegang lesen, hendaklah menyenaraikan rekod peralatan filem dan bilangan yang ada dalam milik, jagaan atau kawalannya yang digunakan untuk merekod atau menyalin filem; dan
10. Pemegang lesen, jika dikehendaki mengemukakan maklumat-maklumat kepada Perbadanan bagi tujuan kajian atau penyelidikan hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat tersebut dalam tempoh masa sebagaimana ditetapkan dengan menggunakan borang-borang yang ditetapkan oleh Perbadanan.